

76 – Siapakah saksi peristiwa isra' mi'raj

- سُبْحَنَ اللَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ وَلِنُرِيهِ وَمِنْ عَائِدَتِنَا
(Al Israa': 1)
- Nabi s.a.w bergerak daripada Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis. Kemudian naik ke langit, dan kembali semula ke Makkah. Orang Musyrikin mendustakan peristiwa tersebut manakala orang Mu'min membenarkannya.

Soalan

- Syarat mukjizat ialah ia dapat disaksikan. Siapakah saksi peristiwa isra' mi'raj?
- Bagaimana Nabi s.a.w boleh menceritakan ciri-ciri Masjidil Aqsa sedangkan ia belum wujud lagi. Beratus tahun selepas kematian Baginda, barulah ia didirikan.

Jawapan

- ✓ Ada mu'jizat yang manusia menyaksikannya, dan ada juga yang tiada sesiapa pun menyaksikannya. Jibril menurunkan wahyu kepada mana-mana Rasul, tiada siapa pun yang menyaksikannya.
- ✓ Masjidil Aqsa telah wujud sejak zaman Nabi Ibrahim lagi. Didalam Riwayat Muslim ada disebutkan bahawa Masjidil Aqsa adalah yang kedua dibina selepas Masjidil Haram. Tempoh antara keduanya ialah 40 tahun.
- ✓ Masjidil Aqsa beberapa kali dirobohkan, kemudian dibina semula. Antara yang membinanya semula ialah Nabi Sulaiman, Umar Al Khattab dan Khalifah Bani Umayyah.

77 – Nabi Sulaiman dan burung Hudhud

- فَمَكَثَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَخَطْتُ بِمَا لَمْ تُحِظْ بِهِ وَجَهْتُكَ مِنْ سَبِّلِ بَنَيَاءٍ يَقِينٌ (An Naml: 22)
- اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ hingga firmanNya وَجَدُّهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِنْ دُونِ اللَّهِ (An Naml: 24-26)
- Nabi Sulaiman telah diberitahu oleh seekor burung hudhud bahawa di negeri Saba' terdapat satu kerajaan yang kuat yang diperintah oleh seorang Ratu dan kaumnya pula menyembah matahari.

Soalan

- Bagaimana seekor burung hudhud lebih bijak dan lebih alim daripada Nabi Sulaiman yang dipuji oleh Allah dengan kebijaksanaan dan ilmunya yang mendalam?
- Bagaimana burung hudhud itu boleh membezakan antara iman dan kekufuran, malah pengetahunnya tentang dua perkara tersebut sangat mendalam.

Jawapan

- ✓ Burung hudhud mengatakan Allah mengajarnya ilmu yang tidak diajarkannya kepada Nabi Sulaiman. Baginda seorang Nabi yang bijak. Kerana itu dia tidak membantahnya malah mengakui kelebihan burung itu berbanding dirinya.
- ✓ Sepertimana makhluk-makluk lain, burung hudhud antara binatang yang sentiasa patuh kepada Allah dan bertasbih memujinya. تُسَبِّحُ لَهُ
السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ
(Al Israa':44) & أَمَّ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ وَمَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ

78 – Binatang akhir zaman

- وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَانُوا بِإِيمَانٍ لَا يُوقِنُونَ (An Naml: 82)
- Ketika hampir kiamat, akan muncul dari suatu tempat di muka seekor binatang kepada yang boleh bercakap dengan manusia.

Soalan

- Masuk akal kah.. Akan muncul seekor binatang berkaki empat, berbulu, berparuh dan mempunyai dua sayap seperti seekor burung, bercakap seperti manusia, menasihati bagaikan nabi, berkuasa seperti Nabi Musa dan bijak seperti Nabi Sulaiman, mempunyai tongkat Nabi Musa dan memakai cincin Nabi sulaiman.

Jawapan

- ✓ Nas-nas yang sokeh tidak menjelaskan dengan terperinci tentang binatang tersebut.
- ✓ Apa yang jelas disebutkan hanya binatang itu akan berbicara dengan manusia, bagaimana ia bercakap, dengan bahasa apa, bahagian mana yang akan bercakap, itu semua tidak dijelaskan.
- ✓ Binatang itu disebutkan secara umum kerana tiada keperluan kepada kita untuk mengetahuinya.

79 – Berkенаan kematian Nabi Sulaiman

- فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنْسَاتَهُ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنُّ أَنْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ (Saba': 14)
- Setelah sampainya ajal Nabi Sulaiman, Allah telah mengambil nyawanya dalam keadaan jin pun tidak mengetahuinya (tentang kematiannya) melainkan setelah tongkat yang digunakannya dimakan anai-anai sehingga membuatnya jatuh tersungkur ke bumi.

Soalan

- Bagaimana seorang raja boleh mati sehingga tempoh setahun dengan tiada sesiapa pun perasan tentangnya.
- Tiada sesiapa merasa pelikkah beliau tetap duduk selama setahun tanpa makan minum, mandi, beribadat dan sebagainya?
- Mungkinkah kalau tongkatnya itu tidak dimakan anai-anai, mereka akan berterusan lupa tentangnya sehingga tempoh dua atau tiga tahun?

Jawapan

- ✓ Tempoh kematiannya sehingga beliau tersungkur jatuh itu tidak pernah dinyatakan oleh Al Quran mahu pun hadith yang soheh.
- ✓ Tidak mungkinkah peristiwa itu hanya berlaku sehari sahaja? Besar sangatkah tongkat Nabi Sulaiman sehingga anai-anai perlu mengambil masa yang lama, ataupun setahun untuk memakannya?
- ✓ Adalah lebih masuk akal peristiwa itu berlaku (dengan kehendak Allah) dalam tempoh sekejap sahaja. Kerana itu lah isteri-isteri, sanak-saudara dan rakyatnya belum sempat menyedari setelah ketiadaannya.

80 – Bukit Thur diangkat oleh Allah

- (Al) وَإِذْ نَتَقَبَّلُ الْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُ ظُلْلَةٌ وَظَنَّوْا أَنَّهُ وَاقِعٌ بِهِمْ حُذِّرُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَادْكُرُوا مَا فِيهِ لَعْلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ
A'raaf: 171)
- Bukit Thur diangkat seolah-olah awan keatas Bani Israil sebagai menguatkan perjanjian agar mereka berpegang teguh dengan Kitab yang diturunkan kepada mereka.

Soalan

- Adakah boleh diterima akal dan sains sebuah bukit boleh berterbang di udara untuk menakutkan manusia dan mengugut supaya diterima syari'atnya?

- Dimanakah kasih sayang Allah terhadap makhluknya?

Jawapan

- ✓ Ia tidak masuk akal dan bermasalah kalau ia disandarkan kepada kuasa manusia yang sangat terhad. Tetapi ia akan selesai kalau dikaitkan dengan kuasa Allah tidak terbatas.
- ✓ Kenapa perkara yang juga sangat tidak masuk akal tetapi ada didalam kitab mereka seperti peristiwa Nabi Musa membelah laut untuk menyelamatkan diri daripada Fir'aun, langsung mereka tidak pertikaikan?
- ✓ Allah kasihkan hamba-hamba yang menurut perintahNya dan tidak memungkiri janji-janjinya.